

Dokumen rahsia didedah

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI
dan FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 14 Julai - Kerajaan menjelaskan bahawa tawaran penggunaan ruang udara Malaysia kepada Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) dibuat sendiri oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menawarkan kemudahan tersebut sebagai satu pertukaran *trade-off* semasa rundingan berpakej antara kedua-dua negara antara 1998 dan 2002.

Sementara penjualan pasir ke Singapura pula dibangkitkan oleh republik itu semasa mesyuarat antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Menteri Kanan Singapura, Goh Chok Tong pada 1 Mac 2005.

Penjelasan itu terkandung di dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) hari ini berhubung dakwaan Dr. Mahathir bahawa kerajaan membuat tawaran ruang udara dan penjualan pasir kepada Singapura dalam rundingan projek pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

Pendedahan terbuka itu bagi menjelaskan sebab-sebab kerajaan membatalkan projek pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

Kenyataan JPM itu juga sekali gus menjawab segala dakwaan Dr. Mahathir sebelum ini, yang kecewa dengan keputusan kerajaan membatalkan projek jambatan berkenaan.

"Kesimpulannya perlu ditegaskan, Singapura tidak menganggap ada keperluan untuk menggantikan Tambak Johor dengan jambatan.

● Teks penuh dokumen - Muka 10

"Justeru, Singapura inginkan timbang balas bagi mereka apabila bersetuju dengan pembinaan jambatan. Merekalah (Singapura) yang meminta pasir serta penggunaan ruang udara sebagai balasan.

"Dr. Mahathir sendiri memasukkannya (isu ruang udara) di dalam surat kepada Menteri Kanan Singapura (ketika itu), Lee Kuan Yew pada 4 Mac 2002," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menyebut, isu yang sama dibangkitkan oleh Chok Tong (ketika itu Menteri Kanan) dalam satu mesyuarat bersama Abdullah pada 1 Mac 2005.

Pada mesyuarat tersebut, republik itu turut membangkitkan isu penjualan pasir kepada Singapura.

Ini menangkis dakwaan (Dr. Mahathir) bahawa kerajaan sekarang yang membangkitkan isu pasir di meja rundingan.

Kenyataan itu juga mendedahkan beberapa dokumen rahsia yang relevan dan diklasifikasikan semula bagi membolehkan rakyat memahami mengapa kerajaan mengambil keputusan membatalkan projek jambatan berkenaan.

Ini kali kedua dalam sejarah, maklumat

■ Lihat muka 2

TIGA FAKTA UTAMA

- 1 Ruang udara bukan syor baru Malaysia di bawah pimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Dr. Mahathir Mohamad sendiri memasukkan isu ruang udara sebagai satu pertukaran (*trade-off*) serta menjadi sebahagian isu berpakej yang ingin diselesaikan bersama Singapura dalam beberapa rundingan antara 1998 dan 2002.
- 2 Goh Chok Tong membangkitkan soal penjualan pasir kepada Singapura dalam mesyuarat dengan Abdullah pada 1 Mac 2005. Ini menangkis dakwaan bahawa kerajaan sekarang yang membangkitkan isu pasir di meja rundingan.
- 3 Jabatan Peguam Negara Malaysia mendapati Malaysia tidak boleh membina jambatan berkenaan secara bersendirian (*unilateral*) kerana terikat dengan Perjanjian Air Johor-Singapura 1961 dan 1962, Perjanjian Wayleave dan Perjanjian Pemisahan 1965.



DAKWAAN

- 1 Singapura menerima cadangan Malaysia untuk membina jambatan bengkok bagi menggantikan Tambak Johor sebelah Malaysia.
- 2 Surat Chok Tong pada 11 April 2002 adalah komitmen muktamad Singapura untuk cadangan pembinaan jambatan oleh Malaysia.
- 3 Jambatan ini tidak termasuk sebagai sebahagian daripada isu-isu berpakej dua hala.
- 4 Malaysia menawarkan ruang udara dan pasir kepada Singapura.
- 5 Keputusan Malaysia membatalkan projek jambatan ini akan mengakibatkan kerugian berbilion ringgit.
- 6 Malaysia adalah negara yang lemah dan dayus kerana membatalkan projek jambatan itu.

FAKTA

- 1 Persetujuan Singapura diberikan secara tidak rela hati sepenuhnya dan dilakukan semata-mata berdasarkan pendekatan berpakej.
- 2 Tidak ada sebarang perjanjian yang ditandatangani oleh Malaysia dan Singapura mengenainya.
- 3 Ia sebahagian daripada isu-isu berpakej dua hala yang belum selesai disebabkan surat Dr. Mahathir telah memasukkannya dalam isu berpakej.
- 4 Penggunaan ruang udara Malaysia dibangkitkan oleh Chok Tong dalam mesyuarat dengan Abdullah pada 1 Mac 2005 di Putrajaya. Singapura menyatakan bahawa isu ini penting bagi mereka dan ia akan memudahkan Singapura untuk bersetuju dengan pembinaan jambatan itu.
- 5 Bukanlah satu keputusan yang wajar untuk membelanjakan RM1.13 bilion bagi membina satu struktur pembangunan yang akhirnya menemui jalan buntu.
- 6 Pengurusan kerajaan adalah mengenai pertimbangan baik dan buruknya sesuatu tindakan dan seterusnya membuat satu keputusan terbaik untuk Malaysia.

Sambungan dari muka 1

Dokumen rahsia didedah

yang dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 diklasifikasikan semula dan dibekalkan untuk tatapan umum.

Kenyataan itu semasa umumnya mengandungi tiga fakta utama bagi menjelaskan segala dakwaan Dr. Mahathir dan mengapa projek jambatan tersebut dibatalkan iaitu:

Perbincangan bersama Singapura mengenai ruang udara bukan perkara baru yang disyorkan oleh kerajaan di bawah pimpinan Abdullah.

Penjualan pasir kepada Singapura dibangkitkan oleh republik tersebut semasa mesyuarat antara Abdullah dan Chok Tong pada 1 Mac 2005.

Pendapat undang-undang dari Jabatan Peguam Negara menunjukkan bahawa Malaysia tidak boleh meneruskan usaha membina jambatan secara bersendirian (*unilateral*) tanpa mematuhi tuntutan undang-undang.

Dr. Mahathir membuat enam dakwaan termasuk dua dakwaan utama berhubung kerajaan membenarkan penggunaan ruang udara dan penjualan pasir kepada republik itu.

Dakwaan lain Singapura menerima cadangan Malaysia membina sebuah jambatan bengkok; jambatan berkenaan bukan sebahagian daripada pakej tertunggak isu dua hala (melibatkan kedua-dua negara) dan Malaysia adalah negara lemah serta tidak mempunyai keberanian dengan tidak meneruskan projek jambatan bengkok.

Kenyataan itu turut menyertakan semua surat-menyurat antara Dr. Mahathir dengan bekas Perdana Menteri Singapura, Kuan Yew dan Chok Tong.

Menurut kenyataan itu, pada 4

Mac 2002, Dr. Mahathir menulis kepada Kuan Yew (Menteri Kanan) mengenai cadangan Malaysia berkenaan pakej isu dua hala yang tertunggak.

Ia antara lain mencadangkan pembinaan jambatan di sebelah Malaysia, manakala Singapura akan membina jambatan di sebelah republik itu, dengan masing-masing menanggung kos pembinaan sendiri.

Selepas jambatan tersebut siap, Tambak Johor akan dirobohkan.

Dr. Mahathir mencadangkan jika Singapura tidak mahu membina jambatan di sebelahnya, Malaysia bercadang membina jambatan di kawasannya sendiri, dan sebaik-baik sahaja jambatan itu siap, Tambak Johor sebelah Malaysia akan dirobohkan.

Cadangan

Pada 11 April 2002, Chok Tong (pada masa itu Perdana Menteri Singapura) membalas surat Dr. Mahathir dan menyatakan perselesaiannya, walaupun beliau lebih gemar kepada cadangan jambatan penuh tetapi cadangan itu dibuat dalam konteks pendekatan berpakej untuk isu-isu dua hala yang tertunggak.

Pada mulanya, isu-isu berpakej tertunggak hanya meliputi empat perkara iaitu air, Central Provident Fund (CPF), ruang udara dan menempatkan semula Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin KTM di Singapura.

Ini telah disepakati oleh kedua-dua negara di Hanoi pada 27 Disember 1998.

Isu projek jambatan dimasukkan dalam isu-isu berpakej dan

menjadi isu kelima melalui surat Dr. Mahathir kepada Kuan Yew pada 4 Mac 2002.

Pada 7 Oktober 2002, Dr. Mahathir memberitahu Chok Tong bahawa Malaysia membuat keputusan tidak meneruskan perbincangan isu-isu tertunggak secara berpakej dan hendak memberi tumpuan kepada penyelesaian isu air yang sudah lama tertangguh, terutama penyemakan semula harga air mentah yang dibekalkan kepada Singapura.

Menurut kenyataan itu, Dr. Mahathir mengambil pendekatan tersebut kerana tiada kemungkinan dapat dicapai persetujuan dalam menyelesaikan isu-isu ini secara berpakej.

Pada 14 Oktober 2002, Chok Tong bersetuju tidak meneruskan perbincangan mengenai isu-isu tertunggak secara berpakej dan Singapura menarik balik persetujuan pembinaan jambatan bengkok yang dibuat dalam konteks penyelesaian secara berpakej.

Republik itu juga menyatakan, persetujuan yang diberikan sebelum ini untuk projek jambatan bengkok itu tidak boleh dipakai lagi.

Kenyataan Chok Tong itu tidak disangkal oleh Dr. Mahathir, malah beliau tidak menjawab surat Chok Tong itu.

Menurut kenyataan itu, kesannya, surat itu menunjukkan bahawa kedua-dua pihak kini kembali kepada status-quo.

Kedua-dua pihak juga mencapai persefahaman semasa rundingan bahawa sebarang cadangan tidak akan dianggap muktamad selagi ia tidak dimeterai dalam satu perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua pemimpin Malaysia dan Singapura.